

TONSIL PERLUKAN RAWATAN SEGERA

SBaru-baru ini anak perempuan saya berusia tiga tahun disahkan mengalami tonsil. Ia bermula apabila dia demam dan sakit pada bahagian dalam hidung sehingga tidak boleh korek atau sentuh hidungnya. Suaranya juga jadi sengau, hidung kerap berair dan berdengkur bila tidur. Doktor, adakah keadaan ini memudaratkan anak saya dalam jangka masa panjang? Adakah ia perlu dibedah?

Miza
Subang Jaya, Selangor

Jangkitan tonsil atau 'tonsillitis' adalah salah satu jangkitan yang kerap berlaku di kalangan kanak-kanak. Ia berpunca daripada pelbagai jenis kuman seperti virus influenza, parainfluenza dan rhinovirus ataupun bakteria seperti streptococcus pneumoniae dan hemophilus influenza. Selalunya kuman-kuman tersebut tersebar melalui rembesan sistem pernafasan seperti air liur, hingus dan kahak menerusi ciuman, bersin dan batuk.

Antara gejala utama tonsillitis adalah demam tinggi, sakit tekak, batuk dan selesema. Kanak-kanak boleh juga mengalami muntah-muntah terutamanya pada fasa awal jangkitan. Apabila tonsil bengkak dan merah, selera makan juga akan berkurangan disebabkan rasa sakit. Kanak-kanak akan kurang aktif kerana kurang makan dan minum. Bengkak pada dinding rongga hidung dan tonsil akan menyempitkan saluran pernafasan lalu kanak-kanak akan berdengkur semasa

tidur. Jangkitan tonsil mudah dirawat dengan antibiotik yang sesuai. Sekiranya dirawat dengan cepat dan tepat, semua gejala akan beransur hilang dan kanak-kanak akan pulih sepenuhnya dalam jangka masa lima hingga tujuh hari.

Walau bagaimanapun, ada kalanya sebahagian kanak-kanak mendapat jangkitan tonsil yang berulang. Antara risiko komplikasi jangkitan tonsil yang berulang adalah tonsillar hypertrophy di mana tonsil anak kekal bengkak walaupun semasa bebas jangkitan. Tonsillar hypertrophy merupakan salah satu penyebab masalah Obstructive Sleep Apnea Syndrome (OSAS) iaitu masalah saluran pernafasan menjadi sangat sempit atau tertutup semasa tidur. Anak-anak ini akan mengalami masalah tidur yang tidak sempurna di mana tidurnya tidak nyenyak kerana asyik terbatuk dan mencungap sehinggakan mungkin terjaga beberapa kali setiap malam.



Tidur yang tidak berkualiti menyebabkan anak tidak mendapat rehat yang secukupnya. Ini boleh menjejaskan kualiti rutin harian mereka seperti belajar dan menumpukan perhatian di Tadika. Dalam jangka masa panjang masalah OSAS ini juga berisiko untuk mendatangkan komplikasi kepada fungsi jantung anak-anak. Antara rawatan yang disarankan untuk masalah tonsillar hypertrophy ini adalah tonsillectomy iaitu pembedahan untuk membuang tonsil. Walau bagaimanapun, pesakit disarankan untuk mendapatkan konsultasi dan nasihat daripada Doktor Pakar Bedah Telinga Hidung dan Mulut (ENT) terlebih dahulu. ❀

Sekiranya anda mempunyai persoalan berkaitan kesihatan anak-anak hantar ke: Dunia Pediatrik Majalah Pa&Ma, Kumpulan Media Karangraf Sdn. Bhd. 1, Jalan Renggam 15/5, Seksyen 15, 40200 Shah Alam, Selangor ATAU duniapediatrik@gmail.com



DR. ROSNI JAMALLUDIN
Pakar Perubatan Kanak-Kanak (Pediatrik) yang kini bertugas di KPJ Klang Specialist Hospital. Beliau memiliki kelulusan Bachelor of Medicine, Bachelor of Surgery (Cairo), M.Med Paed (UKM).